



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

NOTIS BIL.2/2016

PELAKSANAAN SOLAS VGM MULAI 1 JULAI 2016 DAN PENGGUNAAN SISTEM PORT KLANG NET BAGI PENYALURAN VGM DI PELABUHAN KLANG

1. Seperti yang sedia maklum, pihak International Maritime Organization (IMO) telah membuat pindaan ke atas Peraturan VI/2 SOLAS berkaitan dengan keperluan pengesahan berat kasar kontena berkargo. **Peraturan ini akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai 1 JULAI 2016 jam 00:00:01 bermula ketika kontena memasuki get pelabuhan.**
2. *Shipper* dikehendaki untuk menyalurkan maklumat-maklumat VGM bagi setiap kontena kepada pihak terminal pelabuhan atau memohon untuk pihak terminal pelabuhan menimbang kontena mereka melalui Sistem Port Klang Net (PKN) di pautan www.my1port.com **sebelum kontena masuk ke dalam pelabuhan.**
3. Pihak terminal pelabuhan akan menyalurkan maklumat-maklumat VGM kepada syarikat perkapalan melalui fail CODECO. Walaubagaimanapun, Rank Alpha Technologies Sdn. Bhd. akan menyalurkan maklumat-maklumat VGM kepada syarikat perkapalan melalui fail VERMAS mulai **1 Ogos 2016** setelah Sistem PKN tersebut stabil.
4. Semua syarikat perkapalan dikehendaki untuk berhubung terus dengan pihak Rank Alpha berhubung dengan penyaluran maklumat-maklumat VGM melalui fail VERMAS kepada mereka.

Sekian, terima kasih.

Dato' Kapt. David Padman
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

27 Jun 2016